

Usaha mewujudkan umat yang kuat Dugaan kukuh keimanan: Dr M

BR 20 NOV 1989



KUALA LUMPUR, Ahad — Orang Melayu akan menjadi umat Islam yang kuat iman jika mereka berjaya menahan diri daripada terpengaruh dengan godaan dan cabaran hidup, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, keimanan mestilah wujud di dalam hati dan bukannya terpaksa melalui undang-undang.

"Daging babi adalah haram dan tanpa sebarang undang-undang pun umat Islam tidak memakannya, malah mereka memandang jijik.

"Ini menunjukkan bahawa nilai itu sudah ada dalam hati kita. Maknanya kita tidak akan melakukan perkara yang diharamkan oleh Islam apabila kita berpegang teguh kepada agama kita.

"Begitu juga dengan arak, judi, dadah dan sebagainya. Jika keimanan kita kuat, tanpa undang-undang yang melarangnya pun kita tidak akan mendekati benda-benda yang diharamkan oleh Islam," katanya ketika mengulung perbincangan di hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di sini petang ini.

Presiden Umno berkata, dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama, umat Islam mestilah bersedia menghadapi sedikit dugaan bagi membolehkan mereka muncul sebagai umat yang kuat keimanannya.

Katanya, judi dan arak yang ada di negara ini bukanlah untuk orang Islam tetapi untuk kaum-kaum lain. Sekiranya kerajaan mengharamkan judi, belum tentu umat Islam kuat keimanannya kerana judi haram masih boleh berlaku.

"Judi bukanlah perkara yang sukar. Permainan bola dan goli

tanya disambut dengan gelak ketawa perwakilan.

"Arak, todi, babi dan judi menjadi kegemaran kaum bukan Islam. Kalau kita sebagai orang Islam memandang jijik pada babi dan arak, mengapa kita tidak memandang jijik pada judi," tanya beliau.

Selain daripada meningkatkan keimanan, umat Islam juga mestilah muncul sebagai umat yang maju, supaya penganut agama lain tertarik memeluknya.

"Kita menganut Islam kira-kira 600 tahun lalu melalui saudagar Arab dan India Muslim. Keberanian saudagar ini merempuh lautan menggunakan kemahiran mereka dalam ilmu bintang dan pelayaran untuk menarik minat raja Melaka memeluk Islam, kerana ia membuktikan Islam sebagai agama yang maju.

"Sekiranya orang Islam yang datang itu hanya menjadi buruh kapal kepada saudagar yang bukan Islam, tidak mungkin raja Melaka tertarik menerima Islam," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir mahu umat Islam di negara ini bersikap sederhana dan mengelakkan diri daripada membezakan tahap keimanan antara satu sama lain.

"Orang yang tudung separuh kepalanya, akan memandang wanita yang tidak memakai tudung kepala kurang keislamannya. Wanita yang menutup seluruh kepalanya pula akan memandang rakan-nya yang menutup separuh kepala sebagai kurang keislamannya.

"Mereka yang memakai jubah dan serban berkata yang tidak berjubah kurang keislamannya. Yang pakai jubah hijau pula berkata merekalah lebih Islam daripada yang berjubah putih kerana kononnya hijau warna Islam," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir perkara seperti ini tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada orang Melayu malah menjadi punca kepada perpecahan umat.

**Laporan MIOR
KAMARUL SHAHID,
MOHD NOH SENAN,
HAILANI HARUN,
RAZMI ABDUL
DALIB, WAN HAMIDI
HAMID, HAJI AMIR
HASHIM HAJI YOT,
AHMAD AL-HUSNA
ABU HASSAN, WAN
SABARIAH SHIKH ALI
dan SERI INTAN
OTHMAN**

**Gambar ADNAN
HASAN, SULAIMAN
YEOP MAT ISA dan
YAHAYA HASHIM**

juga boleh digunakan untuk perjudian," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh sebuah negara Islam yang tidak mempunyai judi, arak dan benda-benda yang haram, tetapi rakyatnya tidak mampu menahan godaan apabila mereka pergi ke negara asing.

"Apabila rakyat negara ini pergi ke negara lain, ada antara mereka yang sanggup makan dan minum benda yang haram. Mereka lebih suka ke Bangkok daripada Kuala Lumpur.

"Ada antara mereka yang pergi ke Eropah tidak boleh berjalan dengan betul kerana melihat tumit wanita. Di negara mereka semuanya ditutup, jadi bila saja ternampak sedikit benda yang terdedah, keimanan mereka sudah bergoyang," ka-